

Malaysia, Turkiye perluas pelbagai bidang kerjasama

BH- 9/7/2022 mlid: 2

Langkah lebih komprehensif bawa keuntungan kedua-dua negara

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Skop kerjasama Malaysia dan Turkiye akan dipertingkatkan daripada perkongsian strategik yang dilancarkan pada 2014 kepada perkongsian strategik komprehensif, meliputi pelbagai bidang baharu yang menguntungkan kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata skop kerjasama akan diperluas, dengan antara peluang baharu adalah sekuriti makanan, pendidikan, komoditi, perbankan digital Islam, e-dagang, perkhidmatan kewangan, industri pertahanan, petroleum dan gas serta tenaga boleh diperbaharui.

“Bidang-bidang ini amat penting bagi menjamin kelangsungan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan mampan, terutama ketika negara masih meneruskan usaha pemulihan pasca pandemik demi kesejahteraan Keluarga Malaysia,” katanya.

Beliau menjelaskan demikian dalam kenyataan dikeluarkan di sini selepas sidang media bersama media Malaysia pada hari terakhir lawatan rasmi empat harinya, yang pertama sebagai Perdana Menteri ke Turkiye di Ankara, semalam.

Katanya, pada pertemuan dengan pemain industri dari Malaysia dan Turkiye, antara hasil yang dicapai adalah syarikat-syarikat negara berkenaan menyatakan minat untuk melabur di Malaysia, bekerjasama dalam pemindahan teknologi dan berkolaborasi dalam perkongsian kepakaran.

“Dalam konteks kerjasama ekonomi di peringkat kerajaan-ke-kerajaan (G2G) pula, antara persefahaman yang dicapai meliputi perluasan skop Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turkiye (MTFTA).

“Ia meliputi bidang pelaburan, perkhidmatan dan e-dagang sebagai tambahan kepada perdagangan yang juga skop asal MFTA,” katanya menambah, sebanyak 95 peratus kemajuan telah dicapai dan perluasan skop MFTA akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Katanya, perluasan skop MFTA yang melibatkan e-dagang akan memudahkan akses dan



Ismail bersama Erdogan menyaksikan pertukaran MoU antara TUSAS yang diwakili Prof Dr Temel Kotil dan NS Corporation Arasind, diwakili Datuk Dr Mohamad Rafie Ab Malek di Kompleks Presiden, semalam. (Foto BERNAMA)

memperluaskan pasaran untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Malaysia, selain akan membuka peluang pelaburan berimpak tinggi dari Turkiye ke negara kita dan peluang pekerjaan baharu.

“Dalam jangka panjang pula, akan meningkatkan kemahiran bernilai tinggi di Malaysia, menjadikan negara kita hab perdagangan dan pelaburan Turkiye di Asia dengan memanfaatkan keanggotaan Malaysia dalam RCEP, selain keanggotaan kita dalam CPTPP yang bakal dimuktamadkan kelak.

“Dalam konteks kerjasama ekonomi juga, saya akan beri tumpuan dan keutamaan kepada kepentingan pelabur Malaysia di luar negara termasuk Turkiye,” katanya.

Mengenai isu sekuriti makanan, Ismail Sabri berkata, beliau dan Presiden Recep Tayyip Erdogan bersetuju meningkatkan kerjasama memastikan rantai bekalan makanan sentiasa mencukupi dan stabil di kedua-dua negara, selain meningkatkan perdagangan produk makanan.

“Selain itu, terus menjalin kerjasama meliputi perkongsian maklumat serta pengalaman dan memperkasa penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sektor makanan, meningkat keupayaan menghasilkan sumber makanan dan kelangsungan sekuriti makanan untuk berada pada tahap stabil.

“Meneroka peluang pelaburan berbalik berkaitan produk makanan di Turkiye bagi memenuhi keperluan sekuriti makanan negara. Banyak negara mengambil langkah sedemikian untuk menjamin sekuriti makanan,” katanya turut memaklumkan, Malaysia akan membeli gandum dan produk berkaitan gandum dari Turkiye.

Dalam bidang pendidikan, beliau berkata, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama beberapa universiti di Turkiye.

Katanya, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mengiktiraf ijazah daripada 208 universiti di Turkiye dan Erdogan menyatakan komitmen menambah tajaan atau biasiswa untuk pelajar Malaysia di negara itu yang ketika ini berjumlah 284 orang dengan 57 menerima biasiswa daripada Turkiye.

Ismail berkata, hasil peningkatan kerjasama pendidikan meliputi R&D antara universiti kedua-dua negara pula dapat meningkatkan lagi produk-produk penyelidikan bernilai tinggi dan mampu meningkatkan bakat-bakat baharu merentas pelbagai bidang.

“Selain itu, peluang pendidikan untuk pelajar Malaysia di Turkiye dan pelajar Turkiye di Malaysia serta perkongsian data dan bidang kepakaran dalam kalangan tenaga pengajar universiti yang terbabit,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Erdogan juga menawarkan kerjasama dalam pembangunan vaksin COVID-19, Turkovac buatan Turkiye dan Kementerian Kesihatan (KKM) akan diminta untuk meneliti tawaran itu selaras Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara yang dilancarkan tahun lalu.

Kerajaan juga, katanya, terus memperkasa Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan bertaraf dunia dan dengan kepakaran dalam kesuburan in-vitro (IVF), kardiologi, onkologi, pergigian, pembedahan plastik serta beberapa bidang lain, Tur-

kiye adalah antara pasaran utama.

Beliau juga mengadakan perbincangan dengan dua syarikat utama Turkiye, iaitu MKE Corporation dan Turkish Aerospace Industries (TAI) kelmarin dan membangkitkan kerjasama dalam industri pertahanan semasa pertemuan dengan Presiden Erdogan.

“Sebagai langkah ke hadapan, saya akan memberikan perhatian kepada aspek pemodenan sistem pertahanan Malaysia secara berterusan dengan mengambilkira perkembangan geopolitik semasa.

“Selain itu, skop kerjasama melangkaui pembelian aset dan peralatan ketenteraan semata-mata, sebaliknya membabitkan pelaburan dan pembuatan oleh pemain industri pertahanan antarabangsa di Malaysia,” katanya.

Beliau menjelaskan, pendekatan itu akan menguntungkan Malaysia dari segi pemindahan teknologi, kepakaran dan penciptaan peluang pekerjaan, pembibitan pemain industri tempatan, selain membantu menjadikan Malaysia hab industri pertahanan moden di rantau ini.

Berhubung isu antarabangsa, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Turkiye bersetuju untuk terus menyokong perjuangan rakyat Palestin menamatkan kezaliman rejim Zionis dan merealisasikan Palestin sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

“Malaysia juga menghargai usaha Presiden Erdogan untuk mencari jalan perdamaian bagi mengakhiri konflik di Ukraine. Kami berdua bersetuju agar semua pihak yang terbabit mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan konflik yang mengugut keamanan sejagat,” katanya.